

## **Pembangunan Kapasiti – Rasionalisasi Penawaran Dan Permintaan Tenaga Kerja Vokasional dan Teknikal Negara**

**2013**

### **Abstrak**

Bagi mencapai status negara maju menjelang 2020, negara amat memerlukan kepada tenaga mahir yang mencukupi. Melalui Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme - ETP) dengan mengarusperdana aliran teknikal dan vokasional, maka aspirasi wawasan 2020 ini diyakini boleh dicapai. Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia semasa, terdapat dua bentuk laluan utama sistem latihan dan pendidikan. Pertama ialah laluan akademik dan kedua ialah laluan teknikal dan vokasional. Bagi laluan kedua, ia lebih dikenali sebagai Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (LPTV) atau dalam bahasa Inggerisnya Technical and Vocational Education and Training (TVET). Laluan ini dijangka mampu menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi yang dapat memberi impak besar kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi menuju Wawasan 2020. Kajian BCG (2009) menunjukkan 80 peratus pekerja Malaysia mempunyai pendidikan tahap SPM dan kebanyakannya adalah kurang mahir. Kelayakan SPM untuk memasuki pasaran buruh mengehadkan kemahiran yang dimiliki oleh pekerja. Manakala kajian Economic Planning Unit - EPU (2006) sebelum ini menunjukkan bahawa hanya 10 peratus daripada pelajar lepasan SPM memasuki aliran vokasional berbanding lebih dari 50 peratus di negara maju yang lain. Kajian yang sama (EPU, 2006) juga melaporkan sekitar 80 peratus yang mendaftar SKM hanya pada tahap 1 dan 2 sahaja (basic skills). Kajian BCG (2011) menunjukkan bahawa beberapa sektor National Key Economic Area (NKEA) akan mengalami kekurangan tenaga kerja mahir menjelang 2020. Antara yang paling kritikal adalah dalam industri pelancongan, peruncitan dan penjagaan kesihatan. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan sebagai lanjutan kepada kajian-kajian lepas untuk memastikan hala tuju pendidikan TVET di Malaysia dapat memenuhi kehendak pasaran kerja pada masa hadapan, khususnya bagi sektor NKEA. Secara umum, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan merumus cadangan mengenai pembangunan kapasiti – rasionalisasi penawaran dan permintaan TVET. Kajian ini tertumpu pada 12 NKEA dan tiga sektor lain, iaitu sektor Tekstil, Bangunan dan Pembinaan serta Pemesinan dan Penyelenggaraan Mesin dan Peralatan. Bagi menjawab persoalan yang dikemukakan, data sekunder diperoleh melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia - DOSM) dan JPK. Analisis unjuran dibuat berdasarkan data semasa 2010- 2012 dengan menggunakan kaedah trend linear dan pertumbuhan malar untuk mendapatkan unjuran bagi tahun 2013-2015. Hasil unjuran menunjukkan sektor Pemborongan dan Peruncitan (WR); dan Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dijangka akan menghadapi kekurangan penawaran tenaga mahir paling ketara menjelang 2015. Kajian ini juga mendapati secara amnya, jurang pada tahap diploma dan ijazah dijangkakan lebih ketara berbanding tahap sijil bagi kebanyakan sektor yang dikaji. Justeru, keperluan bagi meningkatkan tahap kemahiran penawaran tenaga mahir

dari pada saluran TVET harus dititikberatkan. Sebaliknya pada tahun 2015, empat sektor dijangka mengalami lebihan penawaran paling ketara, iaitu Elektrikal dan Elektronik (EE); dan Pemesinan dan Penyelenggaraan Mesin dan Peralatan (MME). Pada tahap diploma lebihan paling ketara berlaku dalam dua sektor iaitu EE dan BC. Manakala pada tahap sijil lebihan ketara berlaku dalam sektor Perkhidmatan Perniagaan (BS) dan MME. Sementara lebihan bagi sektor lain adalah tidak serius memandangkan lebihan penawaran berkenaan dapat diserap ke dalam sektor di luar bidang kajian. Sebagai langkah penyelesaian, dicadangkan supaya tumpuan diberi terhadap usaha meningkatkan kapasiti penawaran bidang kritikal, menyelaraskan penawaran mengikut kementerian yang bertanggungjawab dan menambah baik sistem maklumat TVET.